

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Malaysia MADANI,**

Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2023. Tahun ini merupakan satu lagi fasa penting bagi SSM dalam memainkan peranan utamanya sebagai pemudah cara dan pengawal selia perniagaan di Malaysia. Dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dibawa oleh perubahan dinamik ekonomi global dan landskap perniagaan yang sentiasa berkembang, SSM terus komited dan memainkan peranan strategiknya untuk menyokong pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara.


Sepanjang 2023, SSM memainkan peranan penting dalam menyokong pemulihan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia pasca pandemik dengan pelbagai inisiatif dan program. Laporan Tahunan ini mencerminkan usaha berterusan SSM dalam memastikan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, menyokong pertumbuhan sektor korporat, memperkuuh pematuhan undang-undang korporat, melindungi kepentingan pemegang taruh dan mempertingkatkan kepercayaan pelabur terhadap ekonomi Malaysia. Ulasan ini juga akan menyentuh pencapaian utama, inisiatif dan kerjasama strategik, transformasi pendigitalan perkhidmatan, cabaran yang dihadapi dan usaha inovatif yang telah dijalankan oleh SSM sepanjang tahun 2023 serta visi SSM untuk masa depan.

Landskap perniagaan di Malaysia kini mengalami perubahan besar dengan pengenalan produk dan perkhidmatan digital oleh SSM. Inisiatif seperti penyediaan platform EzBiz Online, MyLLP, MyCoID dan Malaysian Business Reporting System (MBRS) telah mempercepatkan proses pendaftaran perniagaan dan pengurusan korporat. Hampir semua perkhidmatan SSM kini melalui transformasi digital, disokong oleh rangka kerja perundangan moden yang memastikan urusan lebih cekap dan mesra pengguna. Pendigitalan ini bukan sahaja memudahkan operasi perniagaan, malah turut memberi sumbangan ketara kepada pemulihan ekonomi negara selepas tempoh mencabar

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

yang disebabkan oleh pasca pandemik COVID-19. Transformasi ini memperkuuh daya saing Malaysia di peringkat global dan mewujudkan asas kukuh untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan.

Transformasi yang dilaksanakan oleh SSM telah memainkan peranan penting dalam peningkatan jumlah pendaftaran entiti perniagaan di Malaysia. Pada tahun 2023, sebanyak 321,816 (2022: 320,703) perniagaan yang merangkumi 291,362 (2022: 290,706) perniagaan milikan tunggal dan 30,454 (2022: 29,997) perniagaan perkongsian telah didaftarkan daripada 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Manakala sebanyak 3,547 (2022: 3,661) perkongsian liabiliti terhad dan 51,963 (2022: 48,253) syarikat yang merangkumi 35 syarikat asing telah diperbadankan dalam tempoh yang sama.



Statistik ini menyumbang kepada jumlah pendaftaran entiti perniagaan sehingga 31 Disember 2023 seperti berikut:



**9,124,174**

Perniagaan



**37,460**

Perkongsian Liabiliti Terhad



**1,534,545**

Syarikat

SSM juga telah meneruskan pelaksanaan inisiatif pembaharuan undang-undang dalam usaha berterusan untuk mewujudkan kerangka perundangan yang dinamik selaras dengan keperluan komuniti perniagaan dan sektor korporat di Malaysia. Pada tahun 2023, proses perundangan bagi meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) masih diteruskan. Antara pencapaian utama adalah RUU Syarikat (Pindaan) 2023 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 November 2023, di Dewan Negara pada 13 Disember 2023 dan dijangka dikuatkuasakan pada suku pertama 2024. Pindaan ini bertujuan untuk memperkuuh rangka kerja rehabilitasi korporat serta meningkatkan ketelusan dalam ekosistem korporat di Malaysia. Melalui mekanisme seperti Perkiraan Sukarela Korporat (CVA) dan Pengurusan Kehakiman (JM), pindaan ini membantu syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk terus beroperasi. Selain itu, pindaan ini juga adalah untuk memperkemas kerangka pelaporan pemunyaan benefisial, selari dengan piawaian antarabangsa untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Ini adalah sebahagian daripada usaha Malaysia yang akan dinilai oleh Financial Action Task Force (FATF) pada tahun 2024.

Selain itu, SSM telah mengemukakan cadangan pindaan kepada Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dengan objektif utama untuk memperluaskan mekanisme rehabilitasi bagi entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT). Pindaan ini juga bertujuan untuk memperkuuh kerangka pelaporan pemunyaan benefisial, bagi memastikan ketelusan yang lebih tinggi dalam struktur pemilikan. Melalui pindaan ini, SSM berusaha untuk memberi impak yang positif terhadap persekitaran korporat di negara ini bagi memastikan entiti perniagaan seperti PLT yang menghadapi masalah kewangan tetapi berdaya maju diberikan ruang yang secukupnya untuk membolehkan mereka terus beroperasi terutamanya dalam tempoh pemulihan dari pandemik COVID-19. Polisi-polisi berkaitan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) telah dibentang dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 12 April 2023.

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pada tahun 2023, SSM juga telah menerbitkan Garis Panduan Berhubung Obligasi Setiausaha Syarikat sebagai Institusi Pelapor di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA 2001). Garis panduan ini bertujuan membantu Setiausaha Syarikat memahami obligasi-obligasi yang telah ditetapkan di bawah AMLA dan seterusnya mematuhi keperluan undang-undang dalam melaporkan aktiviti-aktiviti mencurigakan yang berkaitan dengan AMLA. Garis panduan ini dibangunkan berdasarkan kepada keperluan-keperluan di bawah Polisi Dokumen 'Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions for Designated Non-Financial Businesses and Professions (DNFBPs) & Non-Bank Financial Institutions (NBFIs)' Bank Negara Malaysia atau diringkaskan sebagai 'Polisi Dokumen BNM' yang keluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

“

Sepanjang tahun 2023, SSM juga telah menerbitkan dua (2) buku panduan digital bertajuk Tanggungjawab Pengarah Syarikat dan Kod Etika Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat. Kedua-dua buku tersebut diterbitkan bagi mengemas kini garis panduan berhubung tanggungjawab pengarah serta kod etika Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat selaras dengan keperluan tadbir urus korporat masa kini serta perundangan-perundangan baharu yang perlu dipatuhi dalam mentadbir dan menguruskan entiti-entiti perniagaan. Panduan ini menggariskan tanggungjawab serta etika yang perlu dipatuhi oleh Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat dalam mengurus entiti perniagaan selaras dengan perundangan semasa.

Selaras dengan pengenalan pelbagai inisiatif, reformasi dasar dan peraturan serta memupuk pembelajaran berterusan, SSM telah berjaya menganjurkan Persidangan Kebangsaan kali ke-12 dengan tema '*Shared Responsibility in Strengthening AML/ CFT Compliance: Risks, Challenges*

*and Collaborations'* yang diadakan pada 25 hingga 26 Julai 2023. Persidangan ini telah dianjurkan secara maya buat kali ketiga sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011 dan telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengurus SSM. Seramai 3,019 orang peserta daripada pelbagai latar belakang, dari sektor awam dan korporat telah menghadiri persidangan ini seperti ahli lembaga pengarah, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, usahawan, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik dan pihak berkepentingan. Persidangan ini juga disertai oleh delegasi luar negara iaitu Pendaftar Korporat dari Singapore, Papua New Guinea, Hong Kong dan Australia.

”

Persidangan selama dua (2) hari ini merangkumi 11 sesi pleno melibatkan 47 penceramah, ahli panel dan moderator daripada pelbagai latar belakang serta industri seperti agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang. Persidangan Kebangsaan SSM 2023 membincangkan isu-isu semasa, berkongsi pandangan, pendapat serta pengalaman berkaitan hala tuju pengawalseliaan dan perkembangan berkenaan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan. Persidangan ini melakar sejarah buat SSM yang menyaksikan jumlah penyertaan peserta tertinggi di Persidangan Kebangsaan SSM.

Sebagai sebuah badan pengawal selia yang bertanggungjawab ke atas syarikat dan perniagaan di Malaysia, SSM memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat-syarikat mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan tadbir urus, termasuk aspek-aspek kelestarian dan perubahan iklim. SSM bersama *Climate Governance Malaysia* secara julung kalinya telah menganjurkan *National Climate Governance Summit (NCGS)* yang berlangsung dari 5 hingga 7 September 2023 di Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah dengan lebih 100 jemputan kenamaan terdiri daripada menteri, penjawat awam, ahli akademik, jurutera, kontraktor, perunding, pemuliharaan, birokrat, ahli politik, wakil daripada sektor korporat dan persatuan industri telah mengambil bahagian dalam perbincangan semasa sesi persidangan tersebut.

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Persidangan ini menyediakan platform kepada PKS untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka tentang perubahan iklim dan amalan terbaik untuk membina perniagaan yang berdaya saing. Ini selaras dengan matlamat SSM untuk memastikan perniagaan di Malaysia bukan sahaja beroperasi dengan integriti, tetapi juga menyumbang kepada usaha global dalam memerangi perubahan iklim. Untuk menyelami langkah praktikal yang lebih mendalam, 18 bengkel telah diadakan sepanjang dua (2) hari persidangan ini berlangsung yang merangkumi topik seperti menangani hak pekerja, pengiraan jejak karbon, melaksanakan tenaga boleh diperbaharui dan pemuliharaan air. NCGS 2023 telah melestari dengan hampir 1,000 perwakilan memuat turun dan menggunakan aplikasi Summit. Ini telah membolehkan pihak pengajur mengeluarkan bahan rujukan persidangan dalam bentuk digital dan menuju ke arah mencapai matlamat 'Zero Waste'.

Dalam menyediakan forum untuk menjelaskan isu-isu berkaitan dengan dasar-dasar, penyampaian perkhidmatan, operasi dan aktiviti penguatkuasaan, SSM telah menganjurkan tiga (3) sesi Dialog Tahunan SSM 2023, iaitu sesi pertama di Imperial Hotel Kuching, Sarawak pada 23 November 2023, sesi kedua di Marriott Kota Kinabalu, Sabah pada 24 November 2023 dan sesi ketiga secara webinar melalui siaran dalam talian dari Ibu Pejabat SSM di KL Sentral pada 5 Disember 2023. Ia telah dihadiri oleh 1,113 peserta yang terdiri daripada pengarah syarikat, setiausaha syarikat, wakil daripada badan-badan profesional, agensi-agensi kerajaan, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Dialog Tahunan merupakan platform untuk SSM berkongsi dan menyebarkan perkembangan serta maklumat berhubung dasar-dasar dan peraturan-peraturan terkini kepada industri, agensi kerajaan dan badan-badan profesional. Inisiatif tahunan ini juga membantu dalam menyumbang kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan SSM secara keseluruhan kepada orang awam selaras dengan keperluan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang dinamik di Malaysia.

Seterusnya, pada Oktober 2023, SSM telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan penyertaan dalam Bengkel Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) mengenai *Secured Transaction Reform: Developing Tailored Approaches for Common Law and Civil Law Jurisdictions* yang berlangsung di Tokyo, Jepun. Ini memberi peluang kepada SSM untuk terlibat dalam perbincangan mengenai reformasi perundangan transaksi bercagar di kalangan negara-negara APEC, sekali gus memperlihatkan kepakaran Malaysia dalam membentuk kerangka kerja undang-undang yang lebih komprehensif. Bengkel ini dianjurkan oleh APEC di

bawah Jawatankuasa Ekonomi untuk membincangkan dengan lebih lanjut kepentingan untuk memodenkan kerangka perundangan berkaitan transaksi bercagar (*secured transaction*) supaya akses kepada kredit akan menjadi lebih mudah dan menyeluruh.

Bengkel ini juga telah membincangkan amalan terbaik antarabangsa seperti yang terkandung di dalam UNCITRAL Model Law on Secured Transactions dan UNIDROIT Model Law on Factoring dengan fokus spesifik terpakai sama ada bagi negara yang mengamalkan undang-undang am atau undang-undang sivil. SSM telah dijemput sebagai moderator bagi sesi pertama dan sebagai penceramah bagi sesi kedua bengkel ini untuk membincangkan RUU Harta Alih Kepentingan Bercagar yang akan diperkenalkan di Malaysia kelak. Penyertaan bengkel ini terdiri daripada wakil dari negara-negara APEC yang lain seperti Hong Kong, Mexico, Brunei, China, Vietnam, Indonesia, Singapore, Filipina, Jepun, Kanada, Amerika Syarikat dan wakil dari organisasi seperti UNCITRAL, The Hague Conference, The Asian Development Bank, World Bank dan UNIDROIT.

Pada tahun 2023, merupakan tahun yang dinamik bagi SSM dalam memperkuatkannya kerangka kawal selia dan peranan strategiknya dalam melindungi integriti sektor korporat. SSM terus memperkuatkannya kerjasama dengan badan penguatkuasa antarabangsa dan tempatan untuk memastikan pematuhan terhadap standard dan undang-undang yang melibatkan isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. SSM telah memainkan peranan yang signifikan dalam mematuhi dan menyokong inisiatif yang dianjurkan oleh FATF dan National Coordination Committee to Counter Money Laundering (NCC) sepanjang tahun 2023 dengan melibatkan diri dalam Working Groups dan Plenary Meetings yang diadakan oleh FATF di Paris.

Penglibatan SSM adalah selaras dengan fungsi SSM dalam memberi maklum balas berkaitan Recommendation 24 iaitu mengenai pemunyanan benefisial legal persons dan Recommendation 25 berkaitan pemunyanan benefisial legal arrangements yang dikeluarkan oleh FATF. Kehadiran SSM dalam mesyuarat ini adalah penting memandangkan polisi-polisi yang dicadangkan akan memberi impak secara langsung terhadap polisi-polisi dan kerangka perundangan yang berkaitan dengan SSM terutamanya Akta Syarikat 2016 (AS 2016), Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT 2012) dan Akta Syarikat Amanah 1949 (ASA 1949).

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dalam usaha memajukan agenda digitalisasi negara, SSM turut memainkan peranan penting dalam Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan 2.0 yang berperanan untuk memperkuuh digitalisasi di kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui e-dagang dan penerimangunaan teknologi inovatif. Dalam hal ini, SSM bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di bawah pelaksanaan *Improve promotional efforts for existing online business verification programmes*; di mana SSM adalah bertanggungjawab ke atas sasaran pendaftaran entiti perniagaan dalam talian yang mengaplikasikan penggunaan Kod QR SSM BizTrust berdasarkan pemilihan dua (2) kod MSIC 47912 dan 47914. Melalui penggunaan Kod QR SSM BizTrust, SSM telah menyokong lebih daripada 111,000 entiti perniagaan dalam talian sepanjang tahun 2023.

“

**SSM telah menganjurkan Program SSM BizStart 2023 di mana ia merupakan inisiatif strategik yang memperkasakan komuniti usahawan dan bakal usahawan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan. Ia bertujuan memberikan pengetahuan mendalam tentang pendaftaran perniagaan serta aspek penting lain seperti penyusunan rancangan perniagaan, pemilihan platform, fasiliti perniagaan dan pengurusan kewangan. Program ini turut melibatkan pemain industri seperti INSKEN, PERNAS, FAMA, AIM dan BSN sebagai rakan strategik. Selain itu, program ini memberi motivasi kepada pelajar IPT dan golongan B40 untuk menjadikan perniagaan sebagai pilihan kerjaya. Pada tahun 2023, sebanyak tujuh (7) sesi telah diadakan secara fizikal dan dalam talian, melibatkan 1,457 peserta.**

”

SSM juga turut memperkuuhkan hubungan dengan pelbagai agensi penguatkuasaan domestik dan antarabangsa dalam usaha memperhebatkan aktiviti siasatan. Satu pencapaian penting adalah pengajuran Operasi Bersepadu Ops Tropicana yang melibatkan kerjasama dengan agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Cyber Security Malaysia. Operasi ini berjaya mematahkan sindiket penipuan pelaburan antarabangsa yang menjadikan warga asing sebagai sasaran, memperlihatkan kepentingan usaha bersepadu dalam membanteras jenayah rentas sempadan. Tambahan pula, jalinan kerjasama dengan Jabatan Pemantauan Perkhidmatan Pembayaran BNM, khususnya bagi menangani kesalahan yang melibatkan transaksi menggunakan *electronic money (e-money)*, memperlihatkan usaha SSM dalam menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi kewangan yang semakin pesat dan menangani cabaran jenayah kewangan yang semakin kompleks.

KPDN melalui SSM telah memperkenalkan tiga (3) inisiatif baharu dan meneruskan enam (6) inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun 2022 dengan beberapa penambahbaikan selaras dengan usaha kerajaan untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi sektor korporat dan perniagaan di Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini dirancang dengan teliti untuk menyokong matlamat kerajaan dalam memacu pemulihan ekonomi negara dan memperkuuhkan daya saing perniagaan tempatan, terutamanya selepas cabaran yang dibawa oleh pandemik global. Perincian inisiatif-inisiatif SSM untuk mengurangkan beban sektor korporat dan perniagaan pada tahun 2023 merangkumi perkara berikut:

- (a) Memberi pengurangan kompaun sebanyak 90% dari nilai asal kompaun ke atas syarikat yang berstatus ‘dissolved’ di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan AS 2016 bermula 11 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Inisiatif ini telah dimanfaatkan oleh 1,211 syarikat yang berstatus ‘dissolved’ di bawah AS 1965 yang melibatkan 2,869 notis kompaun. Manakala sebanyak 3,614 syarikat yang berstatus ‘dissolved’ di bawah AS 2016 yang melibatkan 5,886 notis kompaun juga telah menikmati inisiatif ini dalam tempoh 11 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

- (b) Memberi pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun bagi kesalahan lazim yang telah patuh di bawah AS 2016 bermula 11 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Pengurangan kompaun diberikan kepada syarikat selepas pematuhan terhadap kegagalan/kesalahan diambil tindakan oleh pihak syarikat. Pengurangan kompaun diberikan bagi kesalahan lazim di bawah seksyen 68(1), 248(1), 258(1), 259(1), 340(1), 30(1) dan 30(2) AS 2016. Bagi tempoh 11 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023, sebanyak 16,093 syarikat di bawah AS 2016 yang melibatkan 21,396 notis kompaun telah menikmati inisiatif ini.
  
- (c) Meneruskan pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah AS 1965. Bagi tempoh 11 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023, sebanyak 5,724 syarikat di bawah AS 1965 yang melibatkan 16,534 notis kompaun bagi semua kesalahan yang telah patuh di bawah AS 1965 telah menikmati inisiatif ini.
  
- (d) Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2023 dan diperluaskan penggunaan Kod QR SSM BizTrust kepada PLT berdaftar yang diperolehi secara automatik. Sebanyak 1,038,901 entiti perniagaan telah didaftarkan dengan SSM BizTrust dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023. Manakala jumlah keseluruhan pendaftaran SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2023 ialah sebanyak 1,675,220 entiti perniagaan.
  
- (e) Meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan baharu secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa. Pada tahun 2023, syarat SPPP diperluaskan kepada pasangan suami dan isteri usahawan kumpulan B40 untuk menggalakkan isi rumah usahawan kumpulan tersebut menjadikan perniagaan sebagai salah satu sumber pendapatan dalam mendepani cabaran ekonomi masa kini. Bermula 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 43,707 pendaftaran perniagaan secara percuma telah dimanfaatkan oleh usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa.
  
- (f) Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menawarkan pendaftaran perniagaan dan memperbaharui pendaftaran perniagaan kepada golongan orang kurang upaya secara percuma untuk satu (1) perniagaan. Statistik jumlah pendaftaran perniagaan di bawah S1O1P bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak 1,719 pendaftaran. Manakala sebanyak 3,100 pendaftaran pembaharuan perniagaan telah direkodkan dalam tempoh yang sama.
  
- (g) Meneruskan cadangan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan.
  
- (h) Meneruskan cadangan untuk memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah APLT 2012.
  
- (i) Memberi pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal bagi kesalahan di bawah seksyen 68 (2) dan seksyen 68(3) APLT 2012 bermula 3 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2023. Pengurangan kompaun diberikan kepada PLT selepas pematuhan terhadap kegagalan/kesalahan diambil tindakan oleh pihak PLT. Bagi tempoh 3 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023, sebanyak 1,698 PLT yang melibatkan 4,456 notis kompaun bagi kesalahan di bawah APLT 2012 telah menikmati inisiatif ini.

Sepanjang tahun 2023, SSM terus berperanan aktif dalam menyokong sektor korporat dan perniagaan ke arah pemulihan pasca COVID-19 melalui pelbagai inisiatif strategik. Pada masa yang sama, SSM menekankan kepentingan pematuhan berterusan terhadap penyerahan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan. Pendekatan penguatkuasaan yang holistik dan seimbang telah memastikan kadar pematuhan yang kukuh pada 93%, sama seperti tahun 2022. Keberhasilan ini mencerminkan komitmen berterusan SSM dalam mengekalkan standard pematuhan yang tinggi, yang dijangka akan terus dikekalkan pada masa akan datang, demi memperkuatkan integriti landskap korporat negara.

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“

Akhir sekali, seiring dengan kemajuan teknologi, SSM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan digitalisasi dan meningkatkan kecekapan operasinya. SSM melalui Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah mencapai satu lagi pencapaian besar pada 2023 dengan pelancaran portal SSM4U versi kedua pada April 2023, yang bukan sahaja meningkatkan pengalaman pengguna tetapi juga memperkenalkan ciri keselamatan terkini yang direka untuk menyokong pelbagai sistem penting SSM seperti EzBiz, MyCoID, MBRS, MyLLP dan DCTC. Portal SSM4U kini menjadi platform tunggal bagi semua sistem perkhidmatan SSM, memudahkan urusan perniagaan dan meningkatkan kecekapan operasi. Selain itu, selaras dengan komitmen terhadap pembangunan dalaman, beberapa sistem sokongan penting telah dibangunkan secara dalaman termasuk XCess KJAKP, Sistem Kepemilikan Berfaedah Elektronik (EBOS) dan e-Comtrac untuk Akademi Latihan SSM, memperkuatkan lagi infrastruktur digital organisasi.

”

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi serta Anggota Suruhanjaya atas bimbingan mereka, dorongan dan sumbangan yang berterusan sepanjang tahun 2023. Terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada semua warga kerja SSM yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan kerja keras sepanjang tahun ini. Sokongan yang tidak berbelah bahagi dari pasukan SSM di semua peringkat telah membolehkan SSM mencapai banyak kejayaan dan meletakkan asas kukuh untuk menghadapi tahun-tahun yang mendatang.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat bekas Menteri, Allahyarham YB Datuk Seri Salahudin Ayub, atas kepimpinan strategik dan sokongan teguh beliau yang telah memberi impak signifikan kepada usaha kami sepanjang Allahyarham menerajui KPDN. Kepimpinan berwawasan dan dedikasi Allahyarham terhadap pembangunan sektor korporat telah meninggalkan legasi yang kukuh, menginspirasikan kami untuk terus berinovasi dan mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan.

SSM akan terus berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan, memacu inisiatif inovasi dan memastikan pematuhan undang-undang korporat yang tinggi. Dengan semangat kerjasama dan dedikasi yang berterusan, saya yakin SSM akan terus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih telus dan berdaya tahan serta pembangunan korporat di Malaysia, In Sya Allah.

**YBHG. DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia